

NO SOALAN :25**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
(PARIT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.08.2017

Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tanda aras pertumbuhan ekonomi negara yang diguna pakai dalam menghadapi suasana ekonomi dunia yang tidak menentu dewasa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pertumbuhan ekonomi negara diukur melalui Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) merupakan tanda aras utama yang menggambarkan prestasi ekonomi sesebuah negara sama ada berada dalam keadaan baik atau sebaliknya. KDNK adalah jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam negara

dalam tempoh tertentu.

2. Berdasarkan perangkaan terkini, dalam tempoh suku pertama tahun 2017, ekonomi negara terus berkembang kukuh dengan KDNK benar mencatat pertumbuhan sebanyak 5.6% meskipun dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Pertumbuhan yang menggalakkan ini disokong oleh ekonomi domestik yang kekal kukuh serta prestasi perdagangan luar negeri yang bertambah baik. Permintaan domestik terus berdaya tahan dengan sektor swasta memacu pertumbuhan ekonomi pada kadar 8.2%. Eksport kasar mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 21.3% kepada RM224.7 bilion, disokong oleh peningkatan permintaan global bagi barang pembuatan terutamanya produk elektrik dan elektronik (E&E), produk petroleum serta kimia dan produk kimia. Di samping itu, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) mencatat RM17 bilion. Ini mencerminkan keyakinan pelabur dan usaha Kerajaan untuk menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif. Sementara itu, kadar pengangguran kekal stabil pada 3.5%. Dalam tempoh yang sama, kadar inflasi mencatat pertumbuhan 4.3%.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Tidak dinafikan sebagai sebuah ekonomi terbuka, keadaan persekitaran luar yang tidak menentu boleh memberi kesan kepada ekonomi Malaysia. Ini termasuk akibat pertumbuhan yang lebih perlahan dalam kalangan ekonomi negara membangun dan ketidaktentuan pasaran kewangan global. Sungguhpun demikian, kesan ini dijangka memberi impak yang tidak ketara kepada negara memandangkan struktur ekonomi yang kini lebih pelbagai serta disokong oleh asas ekonomi yang meluas, termasuk pasaran buruh yang stabil dengan guna tenaga penuh; kadar inflasi terkawal; rizab asing mencukupi; dan sistem kewangan yang kukuh dengan pengantaraan berkesan bagi menyokong ekonomi.

4. Kerajaan telah dan sentiasa mengambil langkah pengurusan makroekonomi yang pragmatik bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi di samping memastikan kemampaman kedudukan kewangan negara. Melalui pelbagai inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan, Kerajaan yakin pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2017 dijangka kekal kukuh dan akan mencapai sasaran antara 4.3% hingga 4.8%.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN : 26

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Jabatan Penerangan Awam akan menetapkan ketinggian yang boleh dibenarkan bagi kawasan-kawasan tertentu serta kawasan-kawasan larangan selain daripada Putrajaya bagi aktiviti-aktiviti penerangan dron memandangkan aktiviti sebegini semakin menawan hati orang ramai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Penerbangan Awam (DCA) telah menetapkan had ketinggian yang boleh dibenarkan bagi aktiviti-aktiviti penerbangan sistem kapal udara tanpa pemandu (*unmanned aircraft system – UAS*) atau lebih dikenali sebagai dron di bawah Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016 yang telah dikuatkuasakan pada 14 April 2016.

Peraturan 140(1)(c), Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016 telah memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh menerbangkan UAS pada ketinggian melebihi 400 kaki di atas permukaan bumi, melainkan jika dibenarkan oleh Ketua Pengarah Penerbangan Awam dan hendaklah tertakluk kepada kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Penerbangan Awam. Peraturan ini adalah terpakai bagi seluruh kawasan dalam negara.